

01 JAN 1997

PPP-gabung (dengan gambar)

IPF AKAN BERGABUNG DENGAN PPP

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- PPP - Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) kini sedang berusaha untuk membawa ahli-ahli parti IPF pimpinan M.G. Pandithan menyertainya, kata presiden PPP, Datuk M. Kayveas.

Menurut Kayveas rundingan telah diadakan antara beliau dan Pandithan baru-baru ini dan "jika semuanya berjalan lancar seperti yang dirancang, kami berhasrat untuk merayakan pergabungan antara IPF dan PPP, jika boleh, pada Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa".

Kayveas bercakap kepada pemberita di majlis rumah terbuka tahun baru anjuran PPP di Taman Tasik Perdana di sini hari ini.

Ditanya sama ada beliau (Kayveas) telah berunding dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN), beliau berkata Dr Mahathir belum lagi diberitahu mengenai hasrat kedua-dua parti itu "kerana ia masih terlalu awal dan apabila masa yang sesuai tiba, saya akan menemui Perdana Menteri bagi mendapat persetujuan".

Kayveas berkata apabila kedua-dua parti itu bergabung, PPP akan muncul sebagai parti komponen ketiga terbesar dalam BN selepas Umno dan MCA, menggantikan MIC yang menduduki tempat itu sekarang.

"Setelah bergabung kami akan terus kekal sebagai parti berbilang kaum dan bukan parti politik yang berteraskan masyarakat India kerana kami rasakan mesti ada pihak yang sedia menawarkan tempat bagi Pandithan dan pengikutnya menyertai BN kerana ia tidak mungkin untuk mempunyai sebuah lagi parti politik masyarakat India dalam BN," katanya.

Kayveas berkata pucuk pimpinan PPP tidak akan menghalang jika Pandithan benar-benar jujur untuk berkhidmat kepada parti meskipun terdapat kebimbangan sesetengah ahli terhadap beliau (Pandithan) untuk menyertai parti itu berdasarkan kepada rekod politik beliau sebelum ini.

Katanya: "saya fikir kami akan menerima beliau kerana saya tidak mahu menjadi orang yang pentingkan diri dan kita terpaksa ketepikan sikap pentingkan diri demi kebaikan BN sama seperti mana UMNO menerima semula bekas pemimpin Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah ke dalam UMNO."

Menurut Kayveas, PPP kini mempunyai 220,000 ahli dengan 2,123 cawangan berdaftar di seluruh negara dan mengikut dakwaan Pandithan IPF mempunyai ahli hampir satu juta orang, PPP yang baru akan menjadi lebih kuat dan besar.

Beliau berkata PPP akan melancarkan kempen menambah ahli secara besar-besaran tidak lama lagi untuk menarik lebih ramai golongan muda menyertai parti itu. -- BERNAMA

ZAB OBA